

05 JUN 1998

Mahathir-faedah

KADAR FAEDAH TINGGI TIDAK BAIK UNTUK NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata dasar kewangan yang ketat mungkin tidak begitu baik bagi negara.

"Saya tidak semestinya menyetujui dasar kewangan ketat Bank Negara," kata beliau apabila ditanya pendapatnya mengenai dasar bank pusat itu mengekalkan kadar faedah yang tinggi.

"Kadar faedah yang tinggi sebenarnya telah menyebabkan ekonomi menguncup," kata beliau kepada pemberita sekembalinya dari lawatan kerja selama lima hari ke Jepun. Ekonomi Malaysia menyaksikan pertumbuhan negatif 1.8 peratus dalam suku pertama tahun ini.

Apabila diminta mengulas tentang pendapat yang nampak berbeza antara beliau dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim tentang kadar faedah, Dr Mahathir berkata: "Tidak ada perbezaan antara saya dan Datuk Seri Anwar. Apa yang dia kata ialah apa yang saya beritahu anda sebelum ini."

Anwar, awal minggu ini, berkata kadar faedah masih kukuh dan tahapnya haruslah ditentukan oleh kuasa pasaran. Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa masyarakat perniagaan merasakan kadar yang ada sekarang terlalu tinggi.

Dr Mahathir berkata kadar faedah berkesan dan kadar faedah pinjaman adalah dua perkara berbeza.

"Bila kadar faedah meningkat ke tahap tertinggi 24 peratus pada Februari lepas dan kemudian turun kepada 16 peratus, ia telah mencemaskan masyarakat perniagaan.

"Masalah sekarang ialah bagaimana hendak mengurangkan kos dana bank. Kita sedang cuba mencari penyelesaian agar kadar antara bank tidak menjejaskan kadar pinjaman," kata beliau.

Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) berlegar di sekitar 11 peratus dan Dr Mahathir berkata tahap begini boleh diterima di kalangan masyarakat perniagaan.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia akan mendapatkan pinjaman dalam nilai matawang yen sehingga bersamaan di antara AS\$1 bilion dan AS\$2 bilion.

Menurutnya negara tidak akan meminjam lagi dalam nilai matawang dolar Amerika kerana matawang itu telah meningkat dengan begitu cepat.

"Jika kita meminjam dalam nilai matawang dolar AS, kita akan susah. Eloklah kita jangan mengurus niaga dalam dolar AS langsung, jika boleh," kata beliau.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa gagasan untuk mengurus niaga dalam nilai matawang rakan perdagangan tidak menerima sebarang bantahan terutama daripada Stanley Fischer, timbalan pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Dr Mahathir menemui Fischer di Tokyo yang kedua-duanya menghadiri satu simposium anjuran Institut Hal Ehwil Kewangan Antarabangsa.

"Malah, tidak ada satu matawang pun yang boleh mendakwa bahawa ia adalah matawang dunia," tegas Dr Mahathir.

Beliau berkata Jepun juga bersedia menjalankan urusan niaga dalam yen.

-- BERNAMA

DVS SJ KY OS NAK